

NADI KAMPUS

Aufal Aufiya, 19 tahun, selangkah lebih dekat bergelar dokter, mula pengajian di NTU

Tiada satu pun dalam keluarga terdekatnya bergelar doktor tetapi minat Aufal Aufiya terhadap dunia perubatan berputik sejak kecil lagi.

Anggaran Waktu Membaca: 3 min



Aufal Aufiya, 19 tahun, sudah memulakan pengajian di Sekolah Perubatan Lee Kong Chian, NTU. (Gambar: Syazwani Sanep)



AFIQAH HUSSAIN

Diterbitkan : 15 Aug 2025 11:03PM

SINGAPURA: Tiada satu pun dalam keluarga terdekatnya bergelar doktor tetapi minat Aufal Aufiya terhadap dunia perubatan berputik sejak kecil lagi.

Buku yang sering dibaca semasa masih kanak-kanak adalah buku cereka tentang tubuh manusia. Ketika di sekolah menengah pula, Aufal tertarik untuk mengetahui lebih lanjut mengenai fisiologi manusia setelah mempelajari tentang gen dan protein.

Rasa ingin tahunya itu 'terbawa-bawa' ke Maktab Rendah Victoria di mana Aufal mengikuti program yang membolehkannya mengikuti beberapa karyawan jagaan kesihatan sepanjang hari, untuk mengetahui seperti apa tugas seharian mereka.

Pada Rabu (13 Jun), Aufal rasmi selangkah lebih dekat bergelar doktor setelah mengangkat sumpah dalam satu upacara kot putih. Aufal, 19 tahun, merupakan salah seorang daripada 190 mahasiswa dalam kohort terbaharu Sekolah Perubatan Lee Kong Chian, Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

"Saya ingat saya nak jadi seorang saintis tetapi saya sedar saya lebih suka berkomunikasi dengan orang dan membina hubungan dengan mereka," kongsi Aufal dengan kru Nadi Kampus.

PENGALAMAN YANG UBAH HALUAN

Menceritakan lebih lanjut, Aufal berkata ibu bapanya tidak pernah mendorongnya memilih kerjaya tertentu. Keputusan untuk meneroka bidang penjagaan kesihatan lahir sepenuhnya daripada minat dan inisiatifnya sendiri.

Namun ada beberapa peristiwa yang membulatkan tekadnya untuk menjadi doktor perubatan.

"Sewaktu saya di maktab rendah, saya pernah mengikuti seorang doktor barah yang merawat kanak-kanak. Itulah yang mengukuhkan keinginan

saya untuk menjadi doktor kerana saya lihat hubungannya dengan pesakit sangat rapat dan ramah," ujar Aufal.

"(Doktor itu) sudah merawat mereka sejak kecil dan mereka sudah membesar menjadi seorang remaja yang sihat dan juga aktif," kata Aufal lagi.

Bekas pelajar Sekolah Victoria itu juga pernah menggalas peranan sebagai seorang penyelaras di sebuah pertubuhan tidak meraih untung, di mana beliau berpeluang meluangkan masa bersama pesakit kanak-kanak di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak KK.



Aufal ketika di upacara kot putih di Universiti Teknologi Nanyang. (Gambar: Syazwani Sanep)

"Kami menemani kanak-kanak yang sering bersendirian... mungkin kerana keluarga mereka terlalu sibuk atau latar belakang mereka agak rumit. Pengalaman itu memang sesuatu yang saya hargai," kata Aufal.

"Jadi 'hubungan kemanusiaan' inilah yang mendorong saya untuk menjadi doktor kerana ia sesuatu yang saya sangat pegang dengan erat dalam kehidupan saya."

MAHU BANTU PESAKIT BARAH

Apabila ditanya bidang kepakaran yang ingin diceburi pula, Aufal tanpa ragu menjawab, "onkologi." Baginya, bidang itu bukan sekadar tentang merawat penyakit, tetapi memberi peluang kepada pesakit barah untuk tetap menjalani kehidupan yang bermakna.

"Saya sedar bahawa ada banyak pesakit yang boleh menjadi sihat lagi dan boleh menjalani hidup yang bermakna. Saya nak cuba untuk membantu para pesakit begini," jelas Aufal.



Aufal bersama ibu bapanya ketika masih menuntut di Maktab Rendah Victoria. (Gambar: Aufal Aufiya)

Apa pun, Aufal bersyukur dapat memulakan pengajian dalam bidang perubatan sekarang ini. Beliau akur pernah beberapa kali rasa ragu jika dirinya mampu jadi doktor tetapi enggan membiarkan itu menjadi penghalang.

"Jadi untuk masuk ke sekolah LKCMedicine, kami perlu ambil ujian namanya Ujian Aptitud Klinikal Universiti (UCAT). Bagi saya, saya mengambil ujian ini ketika perlu belajar untuk peperiksaan peringkat A. Jadi memang agak berat kerana saya perlu jaga banyak komitmen dan banyak subjek yang perlu dipelajari," kongsi.

"Yang paling penting ialah bekerja keras dan walaupun mungkin ada cabaran dalam perjalanan itu, janganlah membiarkannya menghalang diri anda daripada mencapai cita-cita. Juga penting untuk berfikiran terbuka,"

nasihat Aufal lagi.

Kohort yang memulakan pengajian di Sekolah Perubatan Lee Kong Chian pada tahun ini merupakan yang terbesar sejauh ini. Mereka semuanya dijangka tamat pengajian pada 2030.

<https://berita.mediacorp.sg/nadi-kampus/aufal-aufiya-19-tahun-selangkah-lebih-dekat-bergelar-doktor-mula-pengajian-di-ntu-963681>